



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

KENYATAAN MEDIA

PEMAKLUMAN GEMPA BUMI LEMAH DI KENINGAU

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ingin memaklumkan bahawa Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) menerusi Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Bumi Nasional telah mengesan satu kejadian gempa bumi lemah bermagnitud 3.4 pada kedalaman 10 km yang berlaku di daerah Keningau, Sabah pada jam 9:31 pagi, hari ini, 3 September 2026.

Berdasarkan analisis teknikal seismologi yang dikemas kini, pusat gempa bumi tersebut terletak pada koordinat 5.3° Utara dan 116.11° Timur, iaitu kira-kira 10 km di barat Keningau, Sabah.

Gegaran akibat gempa bumi ini telah dirasakan secara nyata oleh penduduk di sekitar daerah Keningau. Sehingga jam 11:30 pagi, MET Malaysia telah menerima sebanyak 463 laporan gegaran dirasakan daripada orang awam berhampiran.

Rekod pemantauan analisis seismik menunjukkan bahawa Keningau pernah mencatatkan beberapa siri gempa bumi lemah sebelum ini, termasuk kejadian pada tahun 2019, 2023 dan pada 6 Oktober 2024. Kejadian yang berlaku hari ini merupakan sebahagian daripada pelepasan tenaga tektonik tempatan di rantau berkenaan.

MET Malaysia akan terus memantau rapi sebarang aktiviti gempa susulan di kawasan tersebut serta komited untuk menyampaikan maklumat perkembangan terkini secara telus dari semasa ke semasa. Kementerian turut menasihatkan orang ramai agar tidak berasa bimbang atau panik kerana gempa bumi yang dicatatkan ini berada pada paras bermagnitud lemah dan tidak menimbulkan ancaman tsunami.

Orang ramai juga dipohon agar tidak menyebarkan sebarang spekulasi atau maklumat tidak sahih yang boleh menimbulkan panik dalam kalangan masyarakat. Maklumat cuaca dan gempa bumi terkini yang sahih menerusi laman web rasmi MET Malaysia, aplikasi mobil myCuaca, media sosial rasmi Jabatan atau dengan menghubungi talian Hotline 1-300-22-1638 untuk sebarang pertanyaan lanjut.

Kementerian bersama MET Malaysia komited untuk memastikan keselamatan dan kesejahteraan awam sentiasa terjamin menerusi pemantauan berterusan.

DATO' SRI ARTHUR JOSEPH KURUP
MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
3 SEPTEMBER 2026

